

8 Adakah kos pemindahan buah pinggang mahal ?

lanya bergantung kepada tempat pemindahan ini dilakukan. Di hospital kerajaan termasuk **PPUM** prosedur ini akan mendapat subsidi dari pihak hospital. Pemindahan buah pinggang telah terbukti lebih efektif dan menjimatkan kos berbanding dengan dialisis.

9 Sekiranya saya berminat dalam pemindahan buah pinggang, siapa harus saya jumpa ?

Penyertaan anda sangat dialu-alukan bagi mengikuti program pendidikan pemindahan buah pinggang yang dikendalikan oleh **PPUM**. Anda hanya perlu ke kaunter utama klinik Perubatan 1 bagi mendapatkan maklumat program ini.



10 Apa yang perlu dilakukan jika saya adalah pesakit kegagalan buah pinggang dan memerlukan kaunseling mengenai pemindahan buah pinggang?

Sila hubungi jururawat transplan di talian

03-7949 2497

(Isnin hingga Jumaat,
9 pagi – 5 petang)

bagi mendapatkan temujanji anda.

Terima kasih kepada Janssen-Cilag di atas sokongan yang telah diberikan



Disediakan Oleh

Wad 8TD

Tel : 03-79492282/ 3093

Sebarang Pertanyaan Sila Hubungi

Perkembangan Kejururawatan, Tingkat 8, Menara Utama

Pusat Perubatan Universiti Malaya, 59100 Kuala Lumpur

Tel : 03-79492376/ 2931/ 2798/ 2412

Hak milik Pusat Perubatan Universiti Malaya 2011



Pemindahan Buah Pinggang di Pusat Perubatan Universiti Malaya - Persoalan dan Jawapan



1 Siapa yang memerlukan pemindahan buah pinggang?

Pesakit yang telah mengalami kegagalan buah pinggang di peringkat akhir di mana buah pinggang tidak lagi berfungsi sepenuhnya. Pesakit ini boleh memilih untuk melakukan rawatan dialisis ataupun pemindahan buah pinggang.

2 Apakah dimaksudkan dengan pemindahan buah pinggang?

Pemindahan buah pinggang bermaksud pemindahan atau penggantian buah pinggang yang masih berfungsi dari penderma yang hidup (living donor) ataupun penderma kadaverik (deceased donor) kepada seseorang yang mengalami kegagalan fungsi buah pinggang.

3 Apakah kebaikan pemindahan buah pinggang kalau dibandingkan dengan rawatan hemodialisis?

Pemindahan buah pinggang adalah pilihan terbaik dalam rawatan gantikan fungsi buah pinggang kerana ianya dapat mengembalikan kualiti hidup yang terbaik dalam jangka masa panjang jika dibandingkan dengan rawatan dialisis.

4 Terdapat berapa jenis pemindahan buah pinggang?

Dibahagikan kepada 2 kategori:

(a) *Pemindahan buah pinggang hidup* (Living kidney transplant)

- Pemindahan buah pinggang di kalangan keluarga dan saudara rapat pesakit (Living-related)
- Pemindahan buah pinggang tiada talian saudara (Living unrelated)

(b) *Pemindahan buah pinggang kadaverik*

- Penderma kadaverik adalah penderma yang telah disahkan mengalami kematian otak (brain death) oleh pakar perubatan

** Pemindahan buah pinggang di kalangan penderma tiada talian saudara adalah tidak biasa diamalkan di Malaysia. Kategori ini perlu dirujuk kepada UTAC unuk penilaian selanjutnya.*

5 Apakah dimaksudkan dengan pemindahan buah pinggang 'pre-emptive'?


Pemindahan buah pinggang yang dilakukan sebelum seseorang pesakit mencapai peringkat memerlukan rawatan hemodialisis. Kebanyakan prosedur pemindahan buah pinggang dilaksanakan selepas pesakit menjalani rawatan dialisis.

6 Adakah benar pesakit tidak lagi memerlukan rawatan dialisis selepas pemindahan buah pinggang dilakukan?

Benar! Jika pembedahan pemindahan ini berjaya. Bagaimanapun penerima buah pinggang yang baru perlu bergantung kepada ubat-ubatan untuk jangka masa panjang bagi menghalang berlakunya penolakan buah pinggang (rejection).

7 Adakah pemindahan buah pinggang dilakukan di Malaysia?

Ya! Pusat Perubatan Univesiti Malaya adalah salah satu pusat perubatan utama yang menjalani pemindahan buah pinggang selain dari Hospital Kuala Lumpur (HKL), Hospital Selayang dan Pusat Perubatan University Kebangsaan Malaysia UKM (PPUKM).



**UNIVERSITI
MALAYA**

PUSAT PERUBATAN UM



pemindahan buah pinggang?